

26/10/2003

Kritikan Mahathir berasaskan fakta

Nazura Ngah

DUNGUN: Pergerakan Pemuda Umno akan terus mempertahankan kritikan Perdana

Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai dunia Barat kerana kritikan serta pendirian yang disuarakannya itu mempunyai asas dan fakta yang kukuh.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata tidak mungkin Dr Mahathir

mampu dan berani menyuarakan kebimbangan melalui kenyataannya itu, jika setiap kritikan tersebut tidak berasas.

"Kita akan tetap berada di belakang pemimpin kita," katanya mengulas tindakan media Barat yang terus melabelkan Dr Mahathir sebagai anti-Yahudi

ekoran ucapannya pada sidang kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) minggu lepas, yang antara lain menyatakan bahawa Yahudi memerintah dunia secara proksi dan menggunakan orang lain untuk membunuh bagi pihak mereka.

"Inilah kelebihan yang ada pada Dr Mahathir kerana sebahagian daripada kekuatannya datang daripada kita, rakyat di peringkat akar umbi yang telah

memberikan keyakinan kepada beliau menyuarakan ketidakadilan dan penindasan yang berlaku di dunia pada hari ini," katanya.

Terdahulu, Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan merasmikan pelancaran Kempen Perangi Dadah Habis-Habisan Peringkat Belia Kebangsaan dan Penubuhan Sekretariat Rakan Muda Sektor Kemajuan Tanah di Ketengah Jaya, dekat sini semalam.

Mengenai hasutan kumpulan pendesak Yahudi di Amerika Syarikat agar pelabur dan pelancong tidak ke Malaysia, Hishammuddin percaya tindakan itu

hanya bertujuan menakut-nakutkan rakyat negara ini.

"Mereka berbuat demikian kerana bimbang dengan kritikan pemimpin kita. Ia adalah fakta yang sebenar. Saya percaya dengan semangat negara kita yang merdeka, dengan adanya pemimpin kita sekarang, hak negara dapat kita

pertahankan. Malah, duta Amerika, (Marie T Huhtala) juga menganggap perkara ini keterlaluan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata pihaknya akan sentiasa bekerjasama dengan

mana-mana pihak dalam usaha memerangi penyalahgunaan dadah di kalangan para belia, termasuk mengadakan aktiviti bagi menarik lebih ramai belia.

"Antaranya penubuhan sekretariat Rakan Muda di Tanah Rancangan Felda. Saya percaya dengan kerjasama Felda dan kementerian, ia boleh menjadi platform kepada anak-anak muda Felda menjalankan pelbagai aktiviti yang dapat memenuhi kehendak mereka," katanya.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, selepas KBS mengkaji kelemahan program Rakan Muda yang mempunyai masalah dari segi tenaga kerja dan kemudahan, Sekretariat Rakan Muda yang dulunya dilancarkan di institusi pengajian tinggi kini mula bergerak ke kawasan tanah rancangan untuk meningkatkan penyertaan remaja dan belia dalam pelbagai aktiviti.

